



الْإِذْرِيْسِيَّةُ
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
Madrasah Idrisiah

Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan.
Telefon: 05-7761961 Telefax: 05-7768268
E-mail : mibckk@hotmail.com

السَّلَامُ عَلٰى مَنْ اَتٰ بِحَدٰى

Ruj Kami : MIBC.KK 100-2/1/4(2)

Tarikh : 20 Syaaban 1440

26 April 2019

Ibu Bapa/ Penjaga Pelajar Madrasah Idrisiah

YBhg. Dato'/ Datin/Tuan/Puan,

SUMBANGAN DERMA PIBG 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, Mesyuarat Agung PIBG yang diadakan pada 23 Mac 2019 yang lalu telah bersetuju sebulat suara bahawa jumlah sumbangan PIBG setiap keluarga bagi tahun 2019 dikekalkan sebanyak **RM70.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Sahaja)**.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/tuan/puan boleh menyerahkan sumbangan PIBG tersebut kepada Guru Tingkatan anak masing-masing mulai **3 Mei 2019**. Setiap sumbangan akan dikeluarkan resit yang dicap rasmi PIBG. Bagi YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang telah membayar sumbangan PIBG secara atas talian/pindahan terus ke akaun sekolah semasa pembayaran yuran pada awal tahun 2019, sila maklumkan kepada Guru Kelas anak masing-masing agar resit rasmi sumbangan PIBG dapat dikeluarkan.

4. Segala kerjasama yang diberikan kami dahului dengan lafaz *jazakumullahu khayran*.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI JAMIL BIN DAYAN)

Yang Dipertua,
Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG),
Madrasah Idrisiah Sesi 2019.